

# Anwar perjelas isu diberi pengampunan penuh

m/d : 3

BH - 21/12/2022

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Yang di-Pertuan Agong ke-15, Sultan Muhammad V, memberikan pengampunan penuh kepadanya pada 2018 kerana menganggap kes berkaitan ada 'pelanggaran prinsip keadilan' (travesty of justice).

Perdana Menteri berkata Anwar tidak memohon pengampunan penuh itu, sebaliknya ia adalah inisiatif Sultan Muhammad V yang mengikuti perkembangan perbicaraan mengenai kes itu.

"Yang di-Pertuan Agong (ketika itu) beritahu akan beri pengampunan penuh (kepada saya) kerana baginda mengikuti perkembangan perbicaraan (ada) 'travesty of justice' (pelanggaran prinsip keadilan), jadi Yang di-Pertuan Agong akan beri pengampunan penuh sesegera mungkin (pada 2018)," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 di Dewan Ra-

kyat semalam.

## Langgar prinsip hukum

Katanya, Sultan Muhammad V sendiri menelefon beliau yang ketika itu sedang mendapatkan rawatan di Pusat Rehabilitasi di Cheras berkaitan proses pengampunan penuh itu.

"Saya tidak memohon pengampunan kerana saya dihukum, 'make it clear' di hansard. Kita bantah penghakiman yang melanggar prinsip hukum (ketika itu), mengada-adakan termasuk dalam kes pertama, membuat pertuduhan dan peristiwa yang berlaku di bangunan yang belum ada dan memaksa orang menjadi saksi atau mengambil siasatan sebelum laporan polis dibuat.

"Saya minta maaf sebab perkara ini kerana soal pengampunan itu penting. Yang mengambil inisiatif ketika itu ialah Yang di-Pertuan Agong sendiri ketika itu, baginda menelefon saya dan ini saya sebut kepada umum, se-

masa saya masih di pusat rehabilitasi," katanya.

Isu pengampunan kepada Perdana Menteri pada 2018 itu dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, dalam perbahasan usul undi percaya kepada Perdana Menteri kelmarin.

Anwar pada 2018 mendapat pengampunan penuh daripada Sultan Muhammad V sejurus perubahan kerajaan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Anwar antara 1999 hingga 2018, dipenjarakan dua kali iaitu kali pertama membabitkan salah guna kuasa berhubung siasatan kes liwat, manakala kali kedua didakwa meliwat pembantu peribadinya.

Beliau menafikan semua tuduhan itu dan menyifatkannya konspirasi politik.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau perlu berkongsi kisah pengampunan itu kerana ia adalah fakta yang berlaku.